

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

TARIKH : **5 NOVEMBER 2019 [SELASA]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pembinaan rumah kos rendah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Batu Arang, Wilayah Persekutuan Labuan dan berapa ramai permohonan untuk membeli/menyewa sudah diterima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Batu Arang, Labuan kini telah mencapai kemajuan fizikal 35% dan dijangka akan dapat disiapkan mengikut jadual pada 28 Disember 2020.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, permohonan untuk menyewa PPR ini boleh dibuat melalui laman sesawang Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN). Sehingga bulan September 2019, jumlah permohonan yang diterima daripada SPRN adalah seramai 24 orang.

Sekian, terima kasih.